

TOKOH LAGENDA WAYANG KULIT KELANTAN

Rosnani Md Zain
Zulkifli Mohamad
Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini merupakan biografi mengenai tokoh wayang kulit Kelantan iaitu Yusoff Mamat atau lebih dikenali sebagai Pak Soh. Makalah ini dihasilkan bertitik tolak daripada kajian-kajian lepas yang kurang memberi pendedahan terhadap ketokohan tok dalang. Kebanyakan pengkaji lebih berminat untuk mengentahui unsur dalaman wayang kulit sahaja. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang latar belakang Pak Soh sebagai tokoh wayang kulit Kelantan. Kedua, menghuraikan sumbangan Pak Soh kepada masyarakat dan negara dalam memperjuangkan wayang kulit Kelantan sebagai warisan seni budaya. Oleh yang demikian untuk mencapai kedua-dua objektif kajian yang telah digariskan, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual dengan Pak Soh. Segala maklumat yang diperolehi adalah hasil daripada temubual tersebut. Makalah ini berkisar mengenai kepada latar belakang, keistimewaan dan sumbangan beliau dalam kesenian wayang kulit. Selepas ini pengkaji akan menggunakan nama Pak Soh dalam kajian.

Kata kunci: Wayang kulit, Pak Soh, latar belakang, keistimewaan, sumbangan

LEGEND FIGURE OF KELANTAN PUPPET SHOW

Abstract

This paper is a about biography of the Kelantan puppet show, Yusoff Mamat, better known as Pak Soh. This paper is derived from previous studies which have less exposure to the figure master puppeteer. Most researchers are more keen to know the interior of the wayang kulit only. In view of this, the objective of this study is to study the background of Pak Soh as Kelantan puppet figure. Secondly, elaborate Pak Soh's contributions to the people and countries in fighting Kelantan puppets as a cultural heritage. Therefore, to achieve the two objectives of the study, the researcher used the interview method with Pak Soh. All the information obtained is the result of the interview. This question revolves around his background, his privileges and contributions in the art of wayang kulit. Next, the researcher will use the nickname, Pak Soh in the study.

Keywords: Shadow puppets, Pak Soh, background, specialitis, contributions.

PENGENALAN

Wayang kulit dapat dikategorikan sebagai teater tradisional. Teater tradisional bersifat tradisi lisan, iaitu proses pembelajarannya diterima dari mulut ke mulut atau lebih tepat diperturunkan dari generasi ke generasi yang lain. Wayang kulit juga adalah salah satu bentuk seni persembahan yang terdapat bukan sahaja di Malaysia, Thailand, China malah di seluruh Asia Tenggara. Pelbagai pendapat yang telah dikemukakan tentang asal-usul wayang kulit. Rata-rata berpendapat bahawa wayang kulit telah wujud di Indonesia sejak beberapa kurun lalu dan dibawa dari India serentak dengan proses penyebaran agama Hindu. (Ainu Sham Ramli, 1996:1). Walau di mana asal-usulnya,

wayang kulit telah diterima oleh masyarakat sebagai teater tradisional dan masih hidup sehingga kini. Prinsip persembahannya sama, iaitu melahirkan bayangan dalam bentuk patung ke atas kelir dengan menggunakan cahaya. Cuma yang berbeza ialah bentuk dan saiz patung, cara menggerakannya dan iringan muzik (Mohd Ghouse Nasuruddin, 2001:39).

Menurut AINU SHAM RAMLI lagi (1996:9), dalam proses perkembangannya, wayang kulit telah banyak melalui perubahan. Setelah melalui pelbagai zaman, wayang kulit dapat menyesuaikan dirinya secara bebas dan kreatif. Wayang kulit bermula sebagai alat yang ada kaitannya dengan upacara penyebaran agama, tetapi kemudiannya digunakan juga sebagai alat pendidikan dan penerangan. Pada kesempatan inilah, nilai-nilai pendidikan dan pembangunan keluarga disampaikan. Nilai-nilai pembangunan masyarakat sebenarnya didasarkan pada hakikat bahawa keluarga menjadi agen pembentukan masyarakat. Inilah antara faktor mengapa wayang kulit sehingga kini menjadi salah satu tradisi kesenian negara.

Pada asalnya terdapat empat jenis wayang kulit di Malaysia, iaitu Wayang Siam (Kelantan), Wayang Melayu yang kedua-duanya berasal dari Kelantan, Wayang Gedek dari Kedah dan Wayang Jawa dari Johor. Ketika ini Wayang Melayu telah pupus. (Mohd Ghouse Nasuruddin 2001:39). Wayang kulit Melayu dipercayai dibawa dari Tanah Jawa ke Kemboja oleh seorang putera raja Kemboja yang bergelar Jaya Verman 11. Beliau amat tertarik dengan falsafah dan persembahan wayang kulit lalu membawanya ke Kemboja dalam usaha untuk menyatukan kembali negaranya. Beliau berusaha mengubahsuai, merekacipta semula dan menghasilkan wayang kulit Kemboja. Keseluruhan rupabentuk dan cara persembahan wayang kulit Kemboja telah berubah dan amat berbeza daripada wayang kulit Jawa. Semua watak dan cerita wayang kulit Kemboja diasaskan kepada cerita Ramayana. Kemungkinan di sinilah bermulanya asas bagi wayang kulit Siam dan wayang kulit Melayu kemudiannya (Ainu Sham Ramli, 1996:4, 5).

Kemerosotan seni persembahan wayang kulit turut memberi impak kepada jumlah bilangan tok dalang. Menurut Rahimidin Zahari (2014:85), sehingga berakhirnya tahun 2007 wayang kulit Kelantan menunjukkan perkembangan dalang masih mempunyai beberapa dalang yang aktif seperti Dalang Yusoff Mamat (Jusoh Lapok Kampung Laut), Dalang Ripin Setek (Kok Lanas), Dalang Eyo Hock Seng atau lebih dikenali sebagai Pak Cu (Kg Pasir Parit, Pasir Mas), Dalang Dollah Ramvong (Kg.Pasir Gajah, Kuala Krai), Dalang Nik Mat Ludin (Nik Mat Suara Mas Kg Kemasin, Bachok) dan beberapa orang lagi. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Rahimidin Zahari ini, dapat dijelaskan bahawa hanya tinggal beberapa nama sahaja yang masih bergiat aktif dalam persembahan wayang kulit. Ini menunjukkan bahawa, wayang kulit mengalami zaman kegelapan tidak seperti diawal-awal kemunculan yang menjadi sumber hiburan utama kepada masyarakat. Makalah ini akan membicarakan mengenai tokoh legenda wayang kulit Kelantan iaitu Yusoff Mamat. Makalah ini juga sekadar berbentuk biografi seorang tokoh sahaja.

PENYATAAN MASALAH

Kajian ini bertitik tolak daripada pengamatan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang lebih berminat untuk mengetahui unsur dalaman yang terdapat pada wayang kulit. Peranan tok dalang kurang diberi perhatian sedangkan tok dalang merupakan agen penggerak kepada persembahan wayang kulit. Namun, tidak dapat dinafikan terdapat beberapa orang pengkaji yang telah membuat kajian mengenai tok dalang wayang kulit. Antaranya ialah Ghulam dengan tulisan beliau *Angin Wayang: A Biography of Master Puppeter (1997)*, Mohd. Noh. Hj. Mahmud: *Tokoh Wayang Kulit Negeri Kedah (2002)* oleh Siti Azila Bt Hassan, Dollah Baju Merah: *Dalang Budak Baru Belajar Dengan Daun (1980)* dalam *Dewan Masyarakat*. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan mengisi lompang kajian tersebut dengan menentengahkan seorang tokoh yang tidak kurang hebatnya iaitu Yusoff Mamat atau dalam kajian ini akan digunakan istilah Pak Soh sahaja. Kajian ini juga akan memperincikan tentang ketokohan dan sumbangan Pak Soh dalam memperkembangkan wayang kulit Kelantan.

OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini mempunyai dua objektif kajian iaitu mengkaji latar belakang Pak Soh sebagai tokoh legenda wayang kulit Kelantan dan menyatakan sumbangan Pak Soh dalam kesenian wayang kulit khususnya di Kelantan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah temubual dan kaedah kepustakaan. Kedah kepustakaan digunakan untuk menyorot kajian-kajian lepas dan mendapatkan maklumat mengenai ayang kulit. Manakala kaedah temubual merupakan kaedah yang dominan dalam kajian ini. Hal ini kerana, pengkaji bergantung sepenuhnya kepada kaedah temubual dengan tokoh tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji telah membuat temujanji dengan Pak Soh bagi menjalankan sesi temuramah. Temujanji tersebut telah diatur dengan baik oleh pengkaji dan Pak Soh berbesar hati menyambut kunjungan pengkaji. Walaupun baru pertama kali bersua muka, namun pengkaji dapat merasakan telah lama mengenali Pak Soh. Beliau seorang yang peramah. Di bangsal usang inilah temubual bersama Pak Soh telah dijalankan pada 7 Februari 2017 iaitu di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Teratak Pak Soh ini berada di belakang Sg Kelantan.

Sebelum pengkaji memulakan sesi temubual, Pak Soh terlebih dahulu menghidangkan pengkaji dengan gambar-gambar lama sepanjang pembabitan beliau dalam persembahan wayang kulit. Pelbagai tempat yang telah beliau kunjungi. Antaranya ialah Afrika, Jepun, Indonesia dan sebagainya. Pak Soh juga berkongsi pengalaman sepanjang pembabitan beliau dalam seni persembahan wayang kulit. Menurut Pak Soh, sepanjang pembabitan beliau dalam wayang kulit, banyak pengalaman manis yang dilaluinya. Hal ini kerana, isterinya Zaharah Hassan merupakan pembakar semangat beliau dalam bermain wayang.

Sesi temuramah tersebut berlangsung selama sejam. Segala persoalan yang telah diutarakan telah terjawab. Sesi temubual tersebut telah dirakam sebagai bukti dan data yang diperolehi nanti akan ditranskripsikan dalam bentuk bertulis. Sebelum pulang, pengkaji sempat mengabadikan kenangan bersama Pak Soh. Pak Soh juga ada menerima sedikit cenderamata daripada pengkaji.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kerana sebagai satu usaha untuk memperbanyakkan khazanah wayang kulit. Dengan pendokumentasian ini diharapkan wayang kulit tidak akan lapuk ditelan zaman. Selain itu, sebagai sumbangan untuk menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain di masa akan datang. Dengan adanya kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji-pengkaji lain untuk mendapatkan maklumat tentang wayang kulit.

Wayang kulit merupakan teater tradisional sepertimana yang kita tahu diperturunkan dari mulut ke mulut. Oleh itu, dengan adanya kajian ini bahan-bahan yang didapati daripada tok dalang dapat didokumentasikan. Seterusnya, sebagai penghargaan kepada tok dalang Pak Soh yang telah lama terlibat dengan kesenian ini. Dengan adanya kajian ini, diharapkan masyarakat menyedari kewujudan Pak Soh dalam memperjuangkan seni ini yang seakan-akan “hidup segan mati tak mahu” dan generasi akan datang dapat mengenali beliau dari segi latar belakang, pengalaman dan sumbangan beliau dalam seni wayang kulit.

ANALISIS PERBINCANGAN

Analisis perbincangan ini akan melihat latar belakang, pembabitan, kelebihan tokoh, cabaran dan sumbangan tokoh terhadap wayang kulit Kelantan.

Latar Belakang Pak Soh

Nama sebenar beliau ialah Yusoff Bin Mamat atau lebih dikenali sebagai Pak Soh atau Pak Usop. Dilahirkan di Kg Laut pada 28.12.1951. Beliau digelar Pak Soh atau Pak Usop dikalangan pelancong-pelancong asing, akan tetapi di kalangan penduduk Kg Laut pada zaman dahulu dikenali dengan

gelaran Yusoff Lepok kerana semasa zaman kanak-kanak beliau sering bergaduh dengan kawan-kawan dan akan mengetuk kepala orang yang membuat hal dengannya. Beliau merupakan anak ketiga daripada lima orang adik-beradik yang terdiri daripada tiga lelaki dan dua perempuan. Adik-beradik beliau ialah Rahmah Binti Mamat, Ghani Bin Mamat, Yusoff Bin Mamat (Pak Soh), Rokiah Binti Mamat dan Abdul Rahman Bin Mamat. Pak Soh sekarang menetap di alamat 306, Kg Laut 2, 16140, Tumpat Kelantan . Beliau berkahwin ketika umur 19 tahun dengan isterinya iaitu Zaharah Binti Hassan yang berasal dari Kg Dalam Rhu, Tumpat. Perkongsian hidup Pak Soh dan isterinya telah melahirkan 13 orang anak (2 orang telah meninggal dunia). Mereka dikurniakan 9 anak lelaki dan 4 perempuan. Anak-anak pasangan bahagia ini ialah Yuzamri (1972), Hamdan (1974- meninggal ketika tidur pada tahun 2002), Denmark (1978), Zailani (1980), Muhammad Amin (1982- mati lemas ketika berusia 4 tahun), Zainuddin (1984), Norhasanah (1986) dan Muhammad Amin (1988- mengambil nama sempena nama anak mereka yang telah meninggal dunia).

Pembabitan dalam Wayang Kulit

Pada tahun 80an, Pak Soh pernah bekerja sebagai tukang kebun di Sekolah Menengah Kebangsaan Sg Pinang, Kelantan. Di sinilah bermulanya karier Pak Soh sebagai dalang wayang kulit sehingga sekarang didorong oleh Allahyarham Pak Hamzah (Hamzah Awang Amat). Pak Hamzah juga ada mengatakan kepada Pak Soh, seandainya Pak Soh tidak mempelajari wayang kulit, maka wayang kulit terkubur begitu sahaja setelah kematian beliau kelak. Oleh itu, Pak Soh merasakan bertanggungjawab untuk menjadi pewaris kepada kesenian wayang kulit sehingga kini. Pak Soh menceburi seni persembahan wayang kulit sejak dari zaman kanak-kanak lagi. Pada ketika itu, Pak Soh baru berusia 4 tahun dan telah diambil untuk menjadi pemain canang bagi sebuah kumpulan Wayang Kulit di bawah pimpinan Omar Kg. Buluh. Selain mendapat upah sebanyak 30 sen setiap kali persembahan tetapi apa yang lebih penting bagi Pak Soh ialah menimba seberapa banyak pengalaman dan ilham mengenai Wayang Kulit. Pada ketika ini, kumpulan Wayang Kulit Omar Kedai Buluh sering mengadakan persembahan di kampung Pak Soh iaitu Kg Laut. Melalui pemerhatian tersebut, Pak Soh banyak mempelajari gerak-geri watak, cerita-cerita Wayang Kulit dan bagaimana tok dalang menggerakkan watak-watak dalam cerita Wayang Kulit. Pada ketika itu juga, Pak Soh mula belajar membuat patung wayang kulit dengan menggunakan kertas. Pada usia kanak-kanak lagi Pak Soh telah menunjukkan minat dalam persembahan wayang kulit. Tidak hairanlah Pak Soh telah menjadi tok dalang Wayang Kulit Kelantan dan dikenali ramai di kalangan pelancong-pelancong asing. Minat dan kebolehan yang dianugerahkan oleh Ilahi menjadi pendorong utama kepada beliau untuk menceburi seni persembahan wayang kulit.

Pada tahun 1970, Pak Soh dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan dikir barat dan sering mengadakan persembahan dikir barat di merata-rata tempat. Dalam waktu yang sama, Pak Soh mengambil peluang menyelitikan cerita-cerita wayang kulit hingga akhirnya di dengar oleh Pak Hamzah. Kemudian Pak Soh dipelawa oleh Pak Hamzah untuk menjadi anak didiknya kerana bagi pandangan Pak Hamzah, Pak Soh mempunyai bakat untuk menjadi Tok Dalang. Pak Hamzah mengajar Pak Soh tentang nama-nama dalam wayang kulit, melukis patung, percakapan dengan hanya menggunakan kayu sahaja tanpa memberi peluang kepada Pak Soh menggunakan patung sebenar. Pak Soh berguru dengan Pak Hamzah lebih kurang setahun. Oleh kerana hasad dengki dan iri hati beberapa orang yang rapat dengan Pak Hamzah, akhirnya Pak Soh mengambil keputusan untuk menarik diri dari berguru dengan Pak Hamzah.

Kemudian, Pak Soh diajak pula oleh seorang kawan lama iaitu Cikgu Daim (yang pada ketika itu menjadi Pengarah Pusat Sumber) bermain wayang dengannya. Namun pelawaan tersebut ditolak baik oleh Pak Soh kerana beliau tidak tahu apa-apa di dalam bermain wayang dan tidak mempunyai modal untuk menyediakan kelengkapan wayang kulit. Setelah dipujuk beberapa kali oleh Cg. Daim, Pak Soh akhirnya bersetuju untuk bermain wayang kulit dengan Cg Daim. Dengan berbekalkan modal sebanyak RM 700.00, Pak Soh mula mencari wayang dan alat-alat muzik sama ada yang dibeli dari orang lain atau yang diberi oleh orang lain dan dibaiki sendiri oleh Pak Soh.

Pak Soh juga mula membina bangsal (tempat berlatih wayang) di Morat dan mencari ahli-ahli panjak (ahli muzik). Pada ketika itu, kumpulan Cg Daim dan Pak Soh aktif dalam membuat persembahan di Gelanggang Seni. Kesempatan yang diberi oleh Pusat Pelancongan Negeri Kelantan

untuk bermain selama dua malam berturut-turut membuka mata masyarakat akan bakat dan kebolehan yang ada dalam diri Pak Soh . Orang ramai begitu terpegun melihat persembahan Pak Soh sehingga memaksa Pusat Pelancongan meminta Pak Soh bermain sekali lagi pada malam berikutnya yang menyebabkan Cg Daim diketepikan. Hal ini telah merenggangkan hubungan antara Cg Daim dengan Pak Soh sehingga membawa penarikan Pak Soh daripada kumpulan tersebut. Permintaan daripada orang ramai untuk melihat persembahan yang dibawa oleh Pak Soh menimbulkan perasaan iri hati Cg Daim. Pengkaji difahamkan bahawa sehingga kini hubungan antara Cg Daim dengan Pak Soh masih renggang sehingga kini walaupun mereka berada dalam bidang yang sama.

Akhirnya Pak Soh sekali lagi diajak oleh seorang kenalan lama, Che Deraman (Bekas ahli panjak Pak Hamzah) untuk menubuhkan satu kumpulan wayang. Pak Soh diminta untuk menjadi Tok Dalang. Setelah didesak beberapa kali, akhirnya Pak Soh nekad untuk bergiat secara aktif dalam persembahan wayag kulit dengan mempelajari cara-cara membuat patung wayang kulit. Pak Soh belajar membuat patung wayang kulit daripada Hassan Omar iaitu anak kepada Tok Dalang Omar yang pada ketika itu terkenal dengan patung cerah. Sebelum dapat menghasilkan patung cerah, Pak Soh terpaksa menghadapi satu cabaran dalam menentukan sama ada beliau berjaya ataupun tidak dalam membuat patung cerah. Menurut Pak Soh, Pak Hassan mencabarnya jikalau beliau berjaya mengharungi cabaran tersebut, maka beliau telah berjaya menjadi Tok Dalang. Bermulalah cabaran tersebut apabila Pak Soh membeli kulit lembu dengan harga RM 15.00 dan menanamnya selama selama 3 hari berturut-turut. Apabila masuk hari ketiga, Pak Soh akan mengorek lubang untuk mengeluarkan kulit tersebut dan dibersihkan. Cabarannya terletak pada kesanggupan individu dalam menghadapi bau busuk dan ulat yang banyak untuk membersihkan kulit tersebut.

Menurut Pak Soh, beliau mengambil masa selama beberapa jam untuk memikirkan kembali keputusannya sama ada mahu menjadi tok dalang ataupun tidak. Setelah berfikir beberapa kali, Pak Soh mengambil keputusan untuk meneruskan usahanya menjadi tok dalang. Semenjak itulah Pak Soh giat dalam membuat patung wayang kulit dan patung Pak Soh cukup terkenal di kalangan pelancong asing. Bermula disaat itu juga, Pak Soh mula berjinak-jinak mencari alat-alat muzik untuk menubuhkan kumpulannya sendiri. Akhirnya kumpulan Pak Soh berdaftar di Gelanggang Seni dan pada tahun 1983, kumpulan Pak Soh mula membuat persembahan di Gelanggang Seni sehingga ke hari ini di samping memenuhi undangan agensi-agensi swasta dan kerajaan malah terdapat juga individu-individu yang mengundang Pak Soh untuk membuat persembahan wayang kulit. Kini, kumpulan wayang kulit Pak Soh sudah semakin terkenal bukan sahaja di dalam negara malah luar negara. Antaranya kumpulan wayang kulit Pak Soh pernah mengadakan persembahan di Jepun, Indonesia, Afrika dan lain-lain negara lagi.

Selain itu, Pak Soh juga mendapat jempunan untuk mengajar di Universiti Malaya pada tahun 2004 untuk satu semesta sahaja dan pada tahun 2010, beliau mendapat undangan untuk mengajar di Universiti Teknologi Mara di kampus Puncak Perdana Shah Alam (ketika perbualan ini Pak Soh masih lagi mengajar di UITM). Pada tahun 2007 sehingga 2008, Pak Soh mendapat jempunan untuk mengajar di sekolah-sekolah sekitar Kelantan seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Sg Pinang, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kg Laut dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sedong.

Pada sebelah malam pula, Pak Soh mengajar wayang kulit di bangsal beliau untuk orang-orang tua yang berminat dengan wayang kulit Pak Soh tidak lokek berkongsi ilmu dengan orang ramai yang ingin mengetahui mengenai wayang kulit. Bukan nilai wang yang menjadi ukuran tetapi niat Pak Soh yang murni untuk memperturunkan ilmu perdalangan. Di sekolah-sekolah Pak Soh mengajar pelajar-pelajar untuk membuat patung wayang kulit .

Kelebihan sebagai Tokoh Tok Dalang Wayang Kulit Kelantan

Keistimewaan yang dimiliki oleh Pak Soh dalam seni persembahan wayang kulit telah membawa nama beliau gah di mata masyarakat. Pak Soh bukan sahaja terkenal di dalam negara malah beliau telah berjaya menerpa nama di luar negara. Oleh kerana keistimewaan dan kesungguhan dalam persembahan wayang kulit telah membawa nama beliau sebagai tok dalang wayang kulit yang dapat diangkat sebagai tokoh tok dalang wayang kulit Kelantan selepas kematian Allahyarham Dollah Baju Merah. Berbekalkan keistimewaan yang telah dikurniakan oleh Ilahi, Pak Soh banyak menjelajah negara-negara didunia untuk mempersembahkan wayang kulit. Salah satu keistimewaan yang dimiliki

oleh Pak Soh ialah kemahirannya dalam menghasilkan patung cerah. Kelebihannya dalam menghasilkan patung cerah menyebabkan penonton tertarik menyaksikan persembahan beliau dan tidak berasa jemu. Menurut Pak Soh, beliau merupakan tok dalang pertama yang memperkenalkan patung cerah dalam wayang kulit. Warna-warna yang dipilih untuk mengecat patung-patung wayang kulit amat menarik. Oleh kerana itulah, persembahan wayang kulit Pak Soh diminati ramai dan mendapat permintaan yang tinggi daripada pelancong-pelancong asing untuk membelinya. Semasa pengkaji berkunjung ke rumah Pak Soh, Pak Soh menerima kunjungan daripada pelancong dari Sepanyol. Pelancong tersebut ingin membeli patung wayang kulit buatan Pak Soh. Ini menunjukkan bahawa patung wayang kulit Pak Soh sudah mendapat nama di luar negara. Dari jauh pelancong asing berkunjung ke rumah Pak Soh semata-mata untuk mendapatkan patung wayang tersebut.

Selain daripada itu, satu kebolehan yang dimiliki oleh beliau iaitu pandai membawa lenggok-lenggok percakapan berdasarkan watak-watak dalam wayang kulit mengikut asal-usul atau darjat watak tersebut sama ada watak raja, rakyat jelata, watak antagonis, watak protagonis, watak humor dan sebagainya. Keistimewaan yang dimiliki oleh Pak Soh ini menyebabkan persembahan beliau mendapat sambutan ramai sehinggakan pihak penganjur Pusat Gelanggang Seni terpaksa memanjangkan tempoh persembahan Pak Soh pada suatu ketika dahulu.

Sifat peramah Pak Soh merupakan salah satu faktor yang menarik masyarakat untuk menyaksikan persembahan beliau. Pak Soh akan melayan sesiapa sahaja yang berkunjung ke rumahnya. Ini dialami sendiri oleh pengkaji, pertama kali bertemu Pak Soh untuk sesi temuramah dirasakan sudah lama mengenali beliau. Jadi tidak hairanlah rumah Pak Soh tidak pernah sunyi mendapat kunjungan daripada pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong asing sama ada untuk membuat kajian, temuramah, belajar bermain wayang kulit dan sebagainya.

Pak Soh juga sering menampilkan watak-watak yang berlainan dalam setiap kali persembahannya yang jarang diketahui oleh tok dalang lain. Menurut Pak Soh, beliau belajar mengenali watak-watak tersebut semasa kecil lagi sama ada semasa beliau menjadi pemain canang atau semasa menonton persembahan wayang kulit pada zaman dahulu. Watak-watak tersebut jarang kita dengar seperti Sang Sakti Cambuari, Galah Pusing, Pahat Putar, Panglima Gajah Meta dan sebagainya.

Cabaran Sepanjang Pembabitan dalam Persembahan Wayang Kulit

Hampir separuh dekad Pak Soh mengabdikan diri sebagai tok dalang wayang kulit. Pelbagai pahit getir yang telah dilalui oleh beliau sepanjang tempoh tersebut. Pahit manis dalam bergelar anak seni dijadikan kenangan yang terpahat kukuh dalam ingatan. Banyak tempat yang telah beliau singgah untuk mengadakan persembahan sama ada di luar mahupun dalam negara. Mengadakan persembahan di luar negara tentunya menimbulkan perasaan teruja dalam diri beliau. Hal ini demikian kerana, beliau akan membawa nama negara ke persada antarabangsa apatah lagi beliau menggunakan dialek Kelantan dalam persembahan wayang kulit. Antara negara yang pernah beliau kunjungi ialah Jepun, Indonesia, Afrika dan sebagainya. Walau berbeza bahasa, agama malah negara tidak pernah menjadi halangan untuk beliau mengadakan persembahan wayang kulit. Walaupun penonton dari luar negara tidak memahami apa yang dituturkan oleh Pak Soh semasa persembahan wayang kulit, namun mereka tetap suka dengan persembahan wayang kulit yang dituturkan dalam dialek Kelantan.

Persembahan pertama Pak Soh di tempat awam sempena dengan majlis naik rumah baharu selama tiga malam ketika mendapat jemputan daripada seorang Cina. Pak Soh dan kumpulannya menerima bayaran sebanyak RM 200 untuk satu malam. Persembahan Pak Soh mendapat sambutan yang menggalakkan dan mendapat tepukan gemuruh daripada penonton walaupun ini kali pertama Pak Soh membuat persembahan. Sokongan dan sambutan daripada masyarakat telah membakar semangat Pak Soh dan kumpulannya untuk meneruskan minat beliau dalam persembahan wayang kulit.

Manakala persembahan di luar negara pula ialah seperti di Jepun (tahun 2002) iaitu di Tokyo selama tujuh hari dan di Nagoya juga selama tujuh hari sempena dengan Pertukaran Kesenian. Di Thailand pada tahun 2001 bersempena dengan sambutan Hari Wilayah. Manakala di South Afrika (2002) selama lapan hari untuk mengiringi tarian.

Pada peringkat awal, Pak Soh mengalami sedikit kekangan modal untuk menggerakkan karier seni beliau. Menubuhkan sesebuah kumpulan Wayang Kulit sendiri memerlukan modal yang

besar pada ketika itu. Sumber kewangan diperlukan untuk membeli alat-alat muzik, membuat wayang dan kelengkapan-kelengkapan wayang yang lain. Namun Pak Soh sangat bertuah kerana beliau tidak perlu membeli patung wayang kulit kerana Pak Soh mempunyai kebolehan untuk menghasilkan patung-patung tersebut. Pak Soh hanya mengeluarkan modal untuk membeli kulit lembu. Menurut Pak Soh, harga kulit lembu ketika itu ialah antara RM 10 atau RM 12 sekeping. Tetapi sekarang kulit lembu dijual dengan harga RM 2.30 sekilo.

Selain itu, Pak Soh dapat menjana pendapatan sendiri kerana beliau mahir dalam menghasilkan patung-patung wayang kulit. Selalunya pelancong asing sering berkunjung ke bangsal beliau untuk mendapatkan patung-patung tersebut. Lazimnya patung Serama (Seri Rama) dan Hanuman dijual dengan harga RM 300 hingga RM 400 seekor. Manakala Pohon Beringin pula dijual dengan harga RM 800 hingga RM 1000. Harga patung wayang Pak Soh juga bergantung kepada cara wayang tersebut di tebuk, misalnya jika tebuknya tidak banyak (wayang ukuran saiz kecil) untuk patung Sita Dewi dijual dengan harga RM 40 manakala jika tebuknya lebih banyak dijual dengan RM 80.00 kerana proses menghasilkannya lebih rumit. Kemahiran yang dimiliki oleh beliau dalam menghasilkan patung wayang kulit menyebabkan beliau lebih popular dikalangan pelancong asing. Pelancong asing yang berkunjung ke bangsal beliau akan mendapatkan patung yang diinginkan dengan harga yang berpatutan. Kekemasan hasil tangan beliau menjadikan ramai pelancong asing tertarik untuk mendapatkan patung-patung tersebut. Malah tok dalang cikgu Daim sendiri pun mendapatkan bekalan patung-patung wayang kulit daripada Pak Soh.

Cabaran paling besar dirasakan sepanjang pembabitan beliau dalam persembahan wayang kulit apabila pucuk pimpinan kerajaan Kelantan telah mengharamkan persembahan wayang kulit. Pada ketika itu, Pak Soh mengalami sedikit gangguan emosi kerana tidak dapat bermain wayang yang amat diminati oleh beliau dari dahulu lagi. Kerajaan Kelantan sekarang tidak lagi mengeluarkan permit bagi persembahan Wayang Kulit di tempat-tempat awam seperti untuk persembahan di kampung-kampung atau majlis-majlis keramaian tertentu kecuali untuk persembahan di Gelangang Seni. Keterbatasan bermain ini telah menyebabkan Kumpulan Wayang Kulit di Kelantan hampir mengalami zaman kejatuhan atau sekadar tinggal nama sahaja. Apatah lagi Kelantan juga mengharamkan kumpulan Wayang Kulit memainkan versi asal cerita Wayang Kulit sebaliknya ditukarkan kepada versi baharu seperti cerita Hang Tuah, Tok Janggut, Mat Kilau, Wok Yoh, Samad, Said Lidah Kecil dan sebagainya. Larangan ini bukan sahaja terhad kepada persembahan wayang kulit malah turut terlibat persembahan tradisional yang lain iaitu Mak Yong, Dikir Barat, Menora dan sebagainya. Sekatan yang dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan banyak mempengaruhi struktur persembahan Wayang Kulit Tradisional kepada Wayang Kulit Moden. Di sinilah timbulnya kumpulan Wayang Kulit Moden yang menjadi taruhan kepada generasi-generasi baru tok dalang wayang kulit. Satu-satunya kumpulan Wayang Kulit yang masih meneruskan warisan tradisi dan tidak akan sesekali menukarkannya kepada Wayang Kulit Moden ialah Kumpulan Pak Soh. Beliau menegaskan bahawa sekiranya ditukar cerita-cerita asal kepada cerita-cerita moden, wayang kulit akan hilang keasliannya. Generasi baru tidak akan mengenali dan mengetahui cerita asal Wayang Kulit yang diwarisi dari generasi terdahulu.

Sekalipun Pak Soh menghadapi rintangan dalam mengekalkan persembahan asal wayang kulit Kelantan. Beliau bersungguh-sungguh ingin menjaga mutu Wayang Kulit Kelantan yang semakin dilupakan pada hari ini. Segala masalah tersebut hilang apabila mendapat sokongan padu daripada masyarakat tempatan yang amat menyokong perkembangan karier beliau dalam mempersembahkan wayang kulit. Walaupun ada sekatan daripada pihak kerajaan negeri Kelantan yang mahukan persembahan Wayang Kulit lari dari konsep asal iaitu mengubah watak dan jalan cerita yang sebelum ini menggunakan Kitab Mahabrata dan Ramayana sebagai bahan cerita tetapi bagi Pak Soh secara peribadi beliau akan tetap meneruskan tradisi tersebut tanpa sekalipun mengubahnya. Lagipun wayang kulit asli mendapat sambutan daripada pelancong asing. Setiap kali berkunjung ke bangsal beliau, mereka ingin mendengar cerita asal wayang kulit Kelantan. Sekiranya transformasi dibuat dengan menukarkan sifat asal cerita wayang kulit, maka hilanglah peminat setia wayang kulit tradisional. Kita juga mengalami kerugian yang besar kerana mengambil masa yang lama bagi wayang kulit moden untuk mendapat tempat dihati masyarakat sama ada dalam negara mahupun luar negara. Menurut Pak Soh sendiri, beliau tidak bersetuju watak-watak dalam Wayang Kulit digantikan dengan watak-watak Wok Yoh, Samad dan Said seperti mana yang dilakukan oleh Tok

Dalang pada hari ini kerana watak-watak tersebut sebenarnya adalah manusia yang dijadikan cerita dan bahan gurauan dalam Wayang Kulit Moden hari ini. Sepertimana yang kita tahu bahawa watak-watak tersebut telah dianimasikan dalam bentuk CD dan juga dimuat naik dalam Youtube dan menjadi kegemaran generasi masa kini. Seandainya Wayang Kulit Tradisional digantikan dengan Wayang Kulit Moden maka, generasi muda pastinya merasakan bahawa apa yang mereka tonton di media sosial merupakan bentuk wayang kulit yang sebenar. Maka akan hilanglah keaslian mutu wayang kulit yang sebenarnya.

Kebanjiran Wayang Kulit Moden di Kelantan telah meninggalkan suatu kesan yang amat mendalam kepada Wayang Kulit Tradisional. Semakin hari, semakin dilupakan. Jika dahulu Wayang Kulit Tradisional mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat dan mendapat tempat dihati peminat setiap kali diadakan persembahan wayang kulit. Namun dewasa ini, Wayang Kulit Tradisional jarang sekali dipertontonkan kepada khalayak ramai. Hal ini kerana, masyarakat sendiri yang menjauhan diri daripada Wayang Kulit Tradisional. Mereka lebih gemar menonton Wayang Kulit Moden yang menggunakan watak animasi. Watak animasi yang dimainkan dalam Wayang Kulit Moden lebih dekat dengan masyarakat. Wayang Kulit Moden juga menggunakan pendekatan yang lebih menarik apabila watak-watak dan cerita yang disampaikan merupakan cerita-cerita yang berkisar mengenai kehidupan seharian masyarakat. Sedangkan Wayang Kulit Tradisional menceritakan kisah-kisah yang diambil daripada kitab Ramayana dan Mahabrata. Kisah-kisah yang disampaikan lebih berat. Sedangkan Wayang Kulit Moden memaparkan kisah yang lebih dekat dengan masyarakat. Oleh itu, Wayang Kulit Moden lebih mendapat tempat dalam masyarakat, namun kita harus tahu bahawa apabila masyarakat tidak lagi menerima Wayang Kulit Tradisional, maka akan pupuslah Wayang Kulit Tradisional yang merupakan wayang kulit yang asal. Sayang sekali seandainya kita kehilangan seni yang unik dan telah diterima di peringkat antarabangsa. Walau dengan apa cara sekalipun, kita seharusnya menjaga kesenian ini agar sentiasa terus hidup dalam masyarakat walaupun dunia kita semakin canggih dengan perkembangan hiburan-hiburan moden yang lebih mudah dan menarik.

Sumbangan dalam Perkembangan Wayang Kulit

Hampir 30 tahun Pak Soh berkecimpung dalam seni persembahan wayang kulit. Satu tempoh yang panjang dan matang bagi seseorang individu untuk mengenal erti hidup yang sebenar. Sudah tentu banyak kenangan pahit manis dalam perjalanan seni beliau. Pelbagai onak dan duri telah dilalui demi menjaga warisan kesenian ini yang amat tinggi nilainya. Pak Soh satu-satunya tok dalang yang masih mempertahankan wayang kulit tradisional kerana beliau ingin memelihara seni ini yang semakin pupus ditelan zaman dan mendapat persaingan yang hebat daripada wayang kulit moden. Biarpun beliau tidak pernah mendapat anugerah daripada mana-mana pihak, namun beliau ikhlas menjaga kesenian tersebut. Beliau tidak pernah mengharapkan akan mendapat sebarang anugerah daripada pihak kerajaan. Apa yang beliau lakukan sepanjang 30 tahun ini adalah untuk masyarakat dan kepuasan diri beliau sendiri. Kerana minat dan niat suci beliau menjaga kesenian yang tidak ternilai ini telah mendorong beliau untuk sentiasa berkarya dengan mengadakan persembahan wayang kulit walaupun beliau sendiri sedar bahawa penerimaan masyarakat terhadap wayang kulit tidak seperti dahulu. Namun, beliau masih mahu mempertahankan kesenian wayang kulit yang sudah sebatu dengan diri beliau berabad lamanya. Beliau sentiasa bersedia untuk memperturunkan ilmu perdalangan, namun sayangnya tidak ada sesiapa pun yang berminat untuk berguru dengan beliau malah anak-anak beliau sendiri tidak berminat untuk belajar bermain wayang. Anak-anak beliau lebih suka mengukir patung wayang kulit daripada belajar bermain wayang. Hal ini telah menimbulkan sedikit kegusaran di hati Pak Soh, seandainya beliau tiada lagi di dunia ini maka wayang kulit akan hilang bersama beliau. Tidak dinafikan beliau ada mengajar di sekolah-sekolah dan universiti namun apa yang diajar telah ditetapkan oleh pihak berkenaan yang ada dalam sukatan pelajaran. Biasanya, Pak Soh mendapat jemputan daripada institusi pengajian untuk mengajar membuat patung bukannya mengajar ilmu perdalangan kepada pelajar-pelajar. Oleh itu, Pak Soh tidak dapat mencari pewaris untuk bermain wayang kulit. Pak Soh hanya dapat memperturunkan ilmu membuat patung wayang kulit sahaja.

Memperkenalkan Patung Cerah

Sumbangan Pak Soh yang jelas dalam wayang kulit adalah kemahiran dan kebolehan beliau mengubah patung wayang kulit daripada hitam putih kepada patung wayang kulit yang bewarna. Idea yang dicetuskan oleh beliau ini telah memberi nafas baharu kepada persembahan wayang kulit. Penggunaan patung cerah menjadikan persembahan lebih menarik. Patung cerah mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat. Malah semakin ramai penonton yang menyaksikan persembahan Pak Soh selain terpikat dengan kemerduan suaranya.

Menurut Ainu Sham Ramli (1996:65), warna juga memainkan peranan penting pada bentuk patung wayang kulit. Penggunaan warna yang berlainan dapat memberikan perbezaan di antara watak yang lembut dan watak yang garang. Misalnya watak-watak Seri Rama dan Laksamana. Walaupun kedua-dua watak tersebut mempunyai bentuk yang sama, namun patung Seri Rama diwarnakan dengan warna hijau tua dan merah terang. Pada bahagian muka pula diwarnakan dengan warna kuning keemasan sebagai lambang watak yang gagah perkasa serta selalu menang dalam pertarungan. Manakala bagi watak Maharaja Rawana dan adiknya Babu Sanam yang menyerupai satu sama lain dapat dibezakan melalui penggunaan warna hitam bagi muka Maharaja Rawana dan warna coklat bagi muka Babu Sanam. Bagi watak komik yang terkenal iaitu Pak Dogol dan Wak Long, keseluruhan patung termasuk seluar labuhnya diwarnakan hitam untuk menimbulkan kesan kebodohan kepada watak. Menurut Pak Soh, penggunaan warna memainkan peranan penting untuk menggambarkan watak-watak wayang kulit dan ada maksud yang tersirat yang ingin disampaikan. Warna yang dipilih menggambarkan peranan dan fizikal watak-watak patung wayang kulit.

Warna yang dipilih oleh Pak Soh untuk mewarnakan patung-patung wayang kulit beliau begitu menarik sekali. Antara warna yang digunakan ialah merah terang, kuning, hitam, hijau dan sebagainya. Pak Soh juga mahir dalam mencipta patung wayang kulit. Menurut Pak Soh, selain mengadakan persembahan wayang kulit, beliau mendapat pendapatan sampingan daripada penjualan patung-patung wayang kulit. Pelancong asing dari pelusuk dunia sanggup datang mencari beliau semata-mata untuk membeli patung wayang kulit hasil ciptaannya. Semasa pengkaji mengadakan sesi temuramah dengan Pak Soh yang disaksikan sendiri oleh pengkaji, bangsal Pak Soh dikunjungi oleh pelancong dari Sepanyol. Pelancong tersebut ingin membeli patung wayang kulit daripada beliau. Walaupun berbeza bahasa, namun itu tidak menjadi masalah kepada mereka untuk urusan jual beli. Akhirnya, pelancong dari Sepanyol mendapatkan watak Pak Dogol dengan harga RM 70.00. Hal ini menunjukkan bahawa rekaan patung Pak Soh amat menarik sehinggakan terkenal di pelusuk dunia. Pelancong asing datang ke bangsal beliau semata-mata untuk mendapat patung wayang kulit. Pak Soh pandai bermain dengan warna. Warna yang digunakan amat cantik dan tahan lama. Ini dapat dibuktikan sendiri oleh pengkaji semasa membuat temuramah, sebahagian daripada patung wayang kulit Pak Soh diseliputi selut akibat banjir yang telah melanda negeri Kelantan. Menurut Pak Soh banjir besar yang telah melanda Kelantan pada tahun lepas memberi kesan yang buruk kepada bangsal wayang kulit beliau. Hampir separuh daripada bangsal beliau ditenggelami banjir. Bencana alam yang telah melanda ini telah menyebabkan patung-patung wayang kulit beliau terjejas. Namun, patung-patung tersebut masih boleh di bersihkan dengan air. Ini membuktikan bahawa, patung wayang kulit Pak Soh terbukti berkualiti. Menurut Pak Soh lagi, beliau memilih jenis warna yang kalis air dan cat minyak. Walaupun diseliputi selut akibat banjir, warnanya masih terjaga dan tidak luntur. Mungkin inilah sebab mengapa patung wayang kulit Pak Soh mendapat sambutan daripada pelancong asing. Bukan sahaja harganya yang berpatutan tetapi yang paling penting ialah kualitinya sentiasa terjaga. Menurut Pak Soh, bangsal beliau tidak pernah sunyi dengan kunjungan daripada pelancong asing. Ada sahaja tetamu dari jauh yang datang. Mereka datang semata-mata untuk membeli patung wayang kulit Pak Soh, padahal mereka sendiri tidak tahu watak patung yang dibeli. Namun, itu tidak penting kerana mereka hanya ingin mendapatkan patung wayang kulit sahaja. Oleh kerana itu juga, patung wayang kulit Pak Soh mendapat permintaan yang tinggi. Menurut Pak Soh, ada juga tok dalang daripada kumpulan lain yang membeli patung wayang kulit daripada Pak Soh. Setiap kali ingin mengadakan persembahan, mereka akan datang ke bangsal Pak Soh untuk mendapatkan patung wayang kulit yang dikehendaki. Penggunaan warna yang tahan lama dan tidak mudah pudar telah menyebabkan patung wayang kulit Pak Soh menjadi rebutan kepada pelancong asing. Itulah pentingnya kualiti. Sememangnya Pak Soh sendiri amat menjaga kualiti rekaan dan warna patung

wayang kulit ciptaan beliau. Walaupun anak-anak beliau ada juga yang menghasilkan patung wayang kulit, namun Pak Soh tidak menyerahkan bulat-bulat kepada anaknya. Beliau akan sentiasa memantau setiap patung wayang kulit yang telah dihasilkan oleh anak beliau. Hal ini bukan bermakna Pak Soh tidak percaya kepada kebolehan anak sendiri, tetapi Pak Soh ingin menjaga kualiti patung wayang kulit yang dihasilkan. Patung wayang kulit yang berkualiti pastinya akan menjadi bualan kepada masyarakat. Oleh sebab itulah, jika ingin mendapatkan patung wayang kulit yang berkualiti dan cantik, patung wayang kulit Pak Sohlah jawabannya.

Setiap kali ingin menghasilkan patung wayang kulit, Pak Soh akan memastikan kulit lembu yang dibeli betul-betul berkualiti. Menurut Pak Soh kulit lembu betina lebih elok daripada kulit lembu jantan. Hal ini kerana kulit lembu betina mempunyai testur yang lembut dan besar. Pak Soh mendapatkan kulit-kulit lembu tersebut daripada penjual daging. Patung wayang yang diperbuat daripada kulit lebih tahan lama dan boleh mencapai usia melebihi 100 tahun jika diselenggara dengan baik. Mengikut kefahaman dahulu yang masih diamalkan oleh pembuat patung wayang kulit sehingga sekarang, setiap patung wayang kulit mestilah diperbuat daripada kulit dan bukan daripada kayu atau lain-lain bahan. Masih ada yang mempercayai bahawa adalah menjadi satu kesalahan jika dibiarkan kanak-kanak atau sesiapa sahaja cuba bermain wayang kulit dengan menggantikan dengan daun kayu. Ini bagi mengelakkan kanak-kanak tersebut daripada ditimpa penyakit kerana patung wayang kulit dipercayai mempunyai penjaganya tersendiri. Pada hakikat sebenarnya, pendukung kesenian ini cuba mempertahankan digniti dan status kesenian di mana pembelajaran dan permainan wayang kulit hendaklah diasuh dan dipelajari mengikut disiplin pembelajaran yang betul. *(Dipetik daripada Wayang Kulit: Warisan Teater Melayu, hlmn:51-53)*

Menurut Pak Soh lagi, setelah mendapatkan kulit lembu beliau akan membasuh dan membuang segala lemak-lemak yang terdapat pada kulit lembut tersebut. Seterusnya beliau akan mencuci kulit lembu tersebut dengan merendam kulit lembu dalam laut belakang bangsal beliau. Bangsal wayang kulit beliau betul-betul dibelakang laut yang dikenali sebagai Kg Laut di Tumpat Kelantan. Tempat yang strategik memudahkan urusan membersihkan kulit lembu untuk dibuat patung wayang kulit. Setelah selesai membersihkan kulit lembu tersebut, Pak Soh akan menjemur kulit tersebut berdekatan dengan bangsal beliau. Pak Soh juga ada mendapat rungutan daripada jiran-jiran yang mendakwa bau busuk kulit tersebut. Namun rungutan jiran-jiran Pak Soh sambut dengan gelak ketawa sahaja kerana itulah satu-satunya kemahiran yang beliau ada. Beliau hanya pandai bermain wayang dan itu merupakan minat beliau sejak dari kecil lagi. Bau busuk tersebut akan hilang setelah kulit kering. Kulit akan kering dalam masa tiga hari tetapi bergantung juga kepada keadaan cuaca. Cuaca hujan dan mendung akan melambatkan proses pengeringan kulit lembu. Biasanya, kulit lembu yang dijemur oleh Pak Soh memakan masa tiga hari sahaja untuk kering. Oleh itu, kerja seni Pak Soh tidaklah mengganggu ketenteraman jiran-jiran kerana masalah itu dapat diatasi setelah kulit lembu kering dan sudah hilang segala bau yang tidak disegani oleh jiran-jiran.

Persembahan Wayang Kulit di Peringkat Antarabangsa

Sumbangan Pak Soh yang seterusnya ialah memperkenalkan permainan warisan dan budaya Malaysia ke persada antarabangsa. Sumbangan Pak Soh ini amat bernilai harganya. Pak Soh telah menjelajah ke negara luar dengan membawa bersma-sama nama negara kita. Sepanjang 30 tahun pembabitan beliau dalam dunia pewayangan, telah banyak dunia luar yang beliau terokai. Antaranya Jepun, Afrika Utara, Indonesia, Thailand, Singapura dan sebagainya. Penjelajahan beliau telah merakam pelbagai peristiwa yang menarik dan telah menjadi kenangan dalam lipatan sejarah hidupnya. Minat Pak Soh terhadap wayang kulit telah membawanya ke serata dunia. Sekaligus telah mencipta nama Malaysia di persada antarabangsa. Pak Soh sering mendapat jemputan bermain wayang oleh negara-negara luar. Walaupun pada hakikat sebenar, mereka tidak faham bahasa yang dituturkan oleh Pak Soh. Namun mereka suka dengan persembahan wayang kulit Pak Soh. Bukan itu sahaja, Pak Soh pernah didatangi oleh seorang warga Jepun iaitu Yati (nama yang diberikan oleh Pak Soh) untuk belajar bermain wayang kulit. Yati begitu berminat dengan wayang kulit. Minat terhadap wayang kulit membawanya bertemu dengan Pak Soh. Yati tinggal di bangsal wayang kulit Pak Soh selama 6 bulan. Pak Soh menyediakan tempat tinggal, makan dan minum kepada Yati. Yati dilayan seperti anak sendiri.

Pak Soh tidak pernah mendapat pengiktirafan daripada mana-mana pihak. Namanya tidak sebaris dengan seniman negara seperti Tan Sri P.Ramlee yang selalu disebut-sebut masyarakat, di dada akhbar, televisyen dan sebagainya. Namun, lain pula dengan Pak Soh yang tidak terkenal dalam masyarakat Malaysia. Pengkaji juga mengakui bahawa tidak pernah mengenali Pak Soh iaitu tok dalang wayang kulit. Pengkaji mengetahui kewujudan Pak Soh setelah diberitahu oleh salah seorang daripada kakitangan Muzium Negeri Kelantan . Ketika itu, pengkaji berkunjung ke muzium untuk melihat khazanah yang tersimpan dalam muzium tersebut. Disitulah timbul minat untuk mengetahui mengenai wayang kulit apabila terpancang patung-patung wayang kulit yang dipamerkan oleh muzium tersebut. Maka bermulalah pencarian pengkaji untuk menemui dan mengenali siapa sebenarnya Pak Soh yang dikatakan sebagai tok dalang yang hebat. Memang Pak Soh kurang mendapat perhatian daripada media massa, namun sebenarnya Pak Soh memang sudah mencipta nama di luar negara. Pak Soh tidak pernah mengimpikan untuk mendapat anugerah, apa yang beliau lakukan adalah kerana minat yang mendalam terhadap persembahan wayang kulit dan juga hasrat beliau untuk memperkenalkan permainan warisan ke mata masyarakat luar adalah sesuatu yang harus mendapat pujian daripada kita sendiri sebagai rakyat Malaysia.

Menceritakan pengalaman beliau kepada pengkaji semasa mendapat jemputan mengadakan persembahan wayang kulit di Jepun. Beliau menceritakan bagaimana beliau berinteraksi dengan masyarakat di sana yang berlainan bahasa. Pak Soh mengakui bahawa beliau tidak pandai bertutur dalam bahasa Inggeris apatahlagi bahasa Jepun. Setelah selesai mengadakan persembahan, Pak Soh dijemput untuk makan malam sebagai tanda penghargaan daripada pihak penganjur. Dihidangkan dengan makanan yang lazat-lazat. Pak Soh hendak makan ayam goreng telah tersedia di atas meja. Disebabkan beliau tidak pandai bertutur dalam bahasa Inggeris, maka beliau ajuk ayam dengan membuat sayap menggunakan kedua-dua belah tangan beliau. Satu meja ketawa dengan perbuatan lucu Pak Soh. Akhirnya Pak Soh dapat makan ayam tersebut sebagai makan malam.

Sememangnya jasa beliau dalam dunia seni persembahan wayang kulit tidak dapat dinafikan. Pelbagai negara yang telah beliau jelajah dengan membawa bersama-sama wayang kulit. Jasa dan pengorbanan beliau seharusnya dihargai. Bukan nama mahupun pangkat yang beliau mahukan cukuplah warisan wayang kulit dikekalkan. Besar pengharapan beliau agar seni ini terus kekal dalam masyarakat. Beliau tidak dapat menghalang kewujudan Wayang Kulit Moden dan Wayang Kulit Animasi, namun beliau tetap akan mengekalkan Wayang Kulit Tradisional yang telah diwarisi daripada Allahyarham Hamzah Awang Amat. Hal ini kerana, wayang kulit tradisional merupakan bentuk wayang kulit yang asal. Namun beliau tahu dan faham bahawa sesuatu seni akan berubah mengikut peredaran zaman. Sudah tentulah di zaman melinia ini, masyarakat mahupun hiburan yang mudah dan cepat. Misalnya wayang kulit animasi dapat ditonton dan dimuat turun dalam Youtube, malah wayang kulit animasi boleh didapati dalam bentuk CD. Disebabkan sifat wayang kulit animasi yang mesra pengguna telah memberi kesan yang hebat kepada wayang kulit tradisional. Wayang kulit tradisional tidak dapat ditonton dalam Youtube. Persembahannya eksklusif yang dapat disaksikan secara langsung di tempat-tempat yang telah disediakan. Mungkin kerana salah satu daripada faktor inilah yang menyebabkan generasi muda kurang meminati persembahan Wayang Kulit Tradisional. Generasi muda zaman melinia mahukan hiburan yang dekat dengan mereka dan boleh membeli jiwa mereka yang sentiasa inginkan sesuatu yang baharu dalam kehidupan.

Mengajar Persembahan Wayang Kulit di Institut Pengajian .

Selain itu, Pak Soh ada juga mendapat undangan mengajar di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pak Soh pernah mengajar wayang kulit di UITM, Shah Alam, Sekolah Kebangsaan Kg Laut dan sebagainya. Pak Soh memuji peranan yang dimainkan oleh universiti-universiti tempatan yang memperkenalkan dan menjadikan Wayang Kulit salah satu daripada matapelajaran yang diajar kepada sesiapa sahaja yang berminat dengan kursus tersebut. Sekurang-kurangnya generasi muda zaman sekarang dapat mengenali dan mengetahui mengenai seni persembahan Wayang Kulit pembuatan patung wayang kulit, alat-alat muzik yang mengiringi persembahan wayang kulit dan bagaimanawayang kulit dipersembahkan. Setidak-tidaknya generasi muda yang bakal menjadi pemimpin kepada masyarakat dan yang paling penting untuk negara pada masa akan datang masih mengenali Wayang Kulit dan menyedari kepentingannya dan yang lebih penting dapat

mengetengahkan warisan pusaka seni ini pada masa hadapan daripada terhapus begitu sahaja. Dengan adanya matapelajaran ini diperkenalkan di universiti-universiti yang sedar akan kepentingan dan nilai seni persembahan wayang kulit dapat memberi nafas baharu kepada persembahan wayang kulit. Sekurang-kurangnya tidak akan dilupakan begitu sahaja dan ditelan zaman yang sentiasa menerima perubahan dan kecanggihan teknologi dari masa ke semasa. Dengan adanya usaha yang dilakukan oleh pihak universiti akan memberi sokongan dan semangat baharu kepada Pak Soh mahupun tok-tok dalang yang lain untuk terus berkarya. Hal ini kerana, mereka yakin bahawa persembahan wayang kulit masih diterima sehingga ke hari ini. Walaupun pada zahirnya mereka seakan-akan hidup segan mati tak mahu kerana wayang kulit terpaksa bersaing dengan hiburan moden yang lain. Sesetengah daripada dalang wayang kulit hanya menghasilkan patung wayang kulit sahaja kerana tidak mendapat undangan untuk mengadakan persembahan. Patung wayang kulit masih mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Ada yang membeli patung wayang kulit sebagai simpanan peribadi, ada juga sebagai bahan pameran seperti pihak muzium. Tok dalang wayang kulit mengalami zaman kegelapan apabila tidak lagi mendapat undangan untuk mengadakan persembahan. Cara yang dilakukan untuk meneruskan kelangsungan hidup adalah dengan menjual patung-patung wayang kulit. Dengan usaha yang dilakukan ini, sekurang-kurangnya wayang kulit masih wujud dalam kehidupan masyarakat sekarang.

Menambah Pendapatan Negara

Penjelajahan Pak Soh ke luar negara telah menyebabkan daya tarikan kepada budaya Malaysia. Ramai pelancong yang datang kerana wayang kulit Pak Soh. Pak Soh secara tidak langsung telah meningkatkan ekonomi negara dengan kunjungan pelancong asing ke Malaysia kerana minat yang mendalam terhadap permainan wayang kulit. Ada yang datang untuk belajar bermain wayang kulit, ada yang datang untuk menemuramah Pak Soh ada juga yang datang untuk mendapatkan patung buatan beliau sahaja.

Mengapa Pak Soh dikatakan memberi sumbangan kepada peningkatan ekonomi negara? Kita lihat dahulu daripada sejarah kemasukan pelancong ke negara kita. Pada tahun 1997 sektor pelancongan di Malaysia merupakan satu sumber pendapatan pertukaran asing kedua terbesar iaitu sebanyak RM11.2 billion setahun iaitu bertambah 13% dan melonjak dari tempat keempat pada tahun 1995. Ia mengatasi petroleum dan di bawah sektor perkilangan (Berita Minggu 13 Jul.1997). Menurut Michael Huckbay, pada tahun 2010, Malaysia diramalkan mempunyai perkembangan pekerja dalam sektor pengangkutan dan pelancongan, iaitu 2.9% berbanding purata global iaitu 2.4 %. Kajiannya mendapati, dalam tempoh sembilan tahun, bilangan pelancong di Malaysia meningkat 280% dari 5.5 juta kepada 20.9 juta (<http://www.cakap.net>, tarikh 10 Ogos 2010). Kedudukan tersebut menunjukkan pelancongan adalah satu perusahaan yang sangat pesat berkembang dari setahun ke setahun. Industri pelancongan di Malaysia merupakan sektor penting dalam kegiatan pertukaran wang asing, yang menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara, menarik pelaburan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (<http://www.malaysia.gov.my> bertarikh 10 Ogos 2010). Pada tahun 2009 Malaysia dipilih oleh UNWTO menduduki tempat kesembilan sebagai destinasi paling banyak dilawati pelancong di dunia dengan peningkatan 7.2% (<http://www.bernama.com> bertarikh 10 Ogos). Malaysia juga merupakan negara ketiga paling ramai menerima pelancong di Asia Timur- selepas China dan Hong Kong (<http://www.scrib.com> bertarikh 10 Ogos 2010), dan Malaysia diiktiraf sebagai antara sepuluh destinasi pelancongan terbaik dan termurah di dunia bagi warga Eropah (<http://www.mylasia.net> bertarikh 10 Ogos 2010). Ini merupakan hasil kajian yang dibuat oleh Haron Daud melalui penulisan artikel beliau iaitu *Tradisi Lisan Dan Pelancongan Di Malaysia : Satu Saranan* pada tahun 2011.

Menurut Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen dalam berita Bernama, jumlah kemasukan pelancong asing ke negara kita meningkat daripada 1.2 peratus kepada 9.45 juta orang bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini berbanding 9.32 juta orang bagi tempoh yang sama tahun lepas. Beliau menambah lagi, kedatangan pelancong bagi tempoh menyumbang RM 21.8 bilion kepada pendapatan negara tahun ini berbanding RM 2.14 pada tahun lepas.

Berdasarkan hasil kajian yang dibuat oleh Haron Daud , pengkaji dapat merumuskan bahawa kebudayaan warisan memberi pulangan yang lumayan kepada negara. Pelancongan warisan

memberi daya tarikan kepada pelancong untuk datang ke Malaysia dan juga kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Pelancongan ini memberi gambaran kepada kita bahawa industri pelancongan di negara kita amat memberangsangkan. Hal ini juga yang berlaku kepada kesenian wayang kulit. Pelancong asing datang ke Malaysia khususnya Kelantan untuk berjumpa dengan Pak Soh dengan pelbagai tujuan sama ada untuk mendapatkan bahan sebagai kajian ataupun membeli patung wayang kulit yang dihasilkan oleh beliau. Oleh itu, Pak Soh sebenarnya telah meningkatkan ekonomi negara dengan kemasukan pelancong asing ke Malaysia.

Rumusan

Melalui pengkajian yang telah dilakukan ini, dapat dirumuskan bahawa Pak Soh merupakan tokoh dalang wayang kulit yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan wayang kulit di Kelantan. Minat beliau dalam seni wayang kulit bermula sejak tahun 80-an lagi. Pelbagai halangan dan dugaan yang telah dilalui oleh beliau sepanjang hampir 30 tahun dalam dunia perwayangan ini. Walaupun pada hakikatnya, beliau tidak pernah mengimpikan untuk mendapat sebarang anugerah atau pengiktirafan daripada mana-mana pihak, namun sewajarnya sumbangan beliau dalam memperjuangkan kesinambungan seni persembahan wayang kulit khususnya di Kelantan patut dihargai dan dipuji. Minat mendalam beliau dalam seni wayang kulit telah mendorongnya untuk menjaga dan mempertahankan keaslian Wayang Kulit Tradisional Kelantan sebagai satu tanggungjawab. Makalah ini hanyalah sebuah memoir mengenai tokoh lagenda wayang kulit Kelantan. Diharapkan melalui pendedahan tersebut mampu membuka mata masyarakat mengenai tokoh-tokoh kesenian yang memperjuangkan warisan budaya bangsa.

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali, Zahir Ahmad.(2007). *Kelantan Dahulu dan Sekarang*. Persatuan Muzium Malaysia Kuala Lumpur.
- Hassan Othaman.2004. *Wayang Gedek:Warisan Kesenian Melayu*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Zakiah Hanum (1989) *Asal-Usul Negeri di Malaysia*.Times Editions.
- Ainu Sham Ramli , Mohd Azmi Ibrahim .(1996). *Wayang Kulit*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Ismail Hussein , Aziz Deraman et al (1995). *Tamadun Melayu Jilid 5*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur.
- Mohd Ghazali Abdullah. (1995). *Teater Tradisional Melayu*. Kementerian Kebudayaan,Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Mohamed Ghouse Nasruddin .(2003). *Muzik Tradisional Malaysia*.Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd.Ishak Abdul Aziz.(1983). *Wak Long Menjadi Raja*. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Mohd Taib Osman, Wan Kadir Yusoff. (1987). *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Kuala Lumpur.
- Patricia Matusky (1997). *Malaysian Shadow Play and Music Continuity of An Oral Tradition*. The Asian Centre Penang Kuala Lumpur Malaysia.
- Prof Khoo Kay Him (1982). *Warisan Kelantan I*.Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Rahamidin Zahari (2014). *Transformasi Wayang Kulit Kelantan dalam Seni Lukis Moden Malaysia* dlm Jurnal Kritikan Malaysia.Nusa Centre, Kuala Lumpur.
- Syed Ahmad Jamal (1992).Rupa dan Jiwa.Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur.
- Ghulam-Sarwar Yusof (2002).*The Malay-Indonesian Shadow Play As A Manifestation Of Cultural Continuities* dlm Tirai Panggung ,Jurnal Seni Persembahan Jilid 5. Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.

- Jamaludin Osman (2002). *Pendidikan Pendalangan Di Dalam Wayang Kulit Kelantan* dlm Wacana Seni Journals of Arts Discourse. Jil/Vol.1. Universiti Sains Malaysia.
- Rahmah Haji Bujang (2007). *Fungsi Komunikasi Dan Estetika Dalam Persembahan Teater Tradisional Wayang Kulit* dlm Jurnal Pengajian Melayu Jilid 18. Universiti Malaya.
- Haron Daud (2011). *Tradisi Lisan Dan Pelancongan Di Malaysia: Satu Saranan*. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan.
- Kertas Kerja Festival Wayang Nusantara, “*Wayang Dalam Bayang*”(2001). Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Malaysia
- Boon Jong Fook (2007). *Wayang Kulit Gedek Di Negeri Kedah Darul Aman Satu Kajian Struktur Persembahan*. Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia
- Moniza Abdullah, Rozana Roah et all (2008). *Kajian Mengenai Sejauh Mana Penerimaan Masyarakat Kelantan Terhadap Pementasan Seni Wayang Kulit Sebagai Suatu Bentuk Hiburan*. Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Wayang Kulit Semakin Tersisih* (2008). Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewan Budaya, September 2002. Bil 9. Jilid 24. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewan Budaya, April 2006. Bil 4. Jilid 28. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka